



<http://www.mudah.my/1kedai-dotcom>  id="Image2_img" src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WIhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy_Long.gif" data-bbox="66 125 925 160"/> width="488" height="39"/>

Selama ini mungkin kita tidak menyedari siapa mereka sebenarnya. Wajahnya tidak seperti kebanyakan Yahudi yang dikenali. Kedua-dua mereka berada di bidang yang berlainan dan corak kerjaya profesional yang berbeza. Seorang dari mereka adalah superstar dalam arena sukan bola sepak. Manakala seorang lagi sememangnya superstar dalam arena hiburan di Hollywood.

 src="images/Gajet_2014/Artikel/ysiapa.jpg" data-bbox="66 230 925 265"/> mce_src="images/Gajet_2014/Artikel/ysiapa.jpg" data-bbox="66 230 925 265"/> width="499" height="205"/>

Yang menyedihkan ialah kedua-duanya adalah pujaan menggunung bagi kebanyakan remaja dan belia muslim. Kita boleh dapati gambar-gambar dua lelaki ini dilekat di merata-rata tempat khususnya peminat fanatik mereka yang sememangnya skiptikal dalam budaya hedonisme.

Sama ada pelajar sekolah malahan pelajar IPT sekalipun sudah pasti muka kedua-dua Yahudi ini ada di dalam bilik-bilik asrama mereka Tidak cukup dengan itu, ditampalnya di fail-fail kuliah, dilekat dihadapan kulit-kulit buku dan diusung ke hulu ke hilir.

Tambah menyakitkan mata apabila baju-baju yang memaparkan gambar kedua-dua lelaki Yahudi ini dibeli dan dipakai ke sana ke mari. Dan yang paling mendidihkan hati wajah-wajah Yahudi ini, atau paling tidak pun nama-nama mereka yang terpalit pada baju di bawa bersama semasa menunaikan solat di masjid.

Maka jadilah adegan David Beckham dan Slash turut solat berjemaah bersama peminatnya.

 src="images/Gajet_2014/Artikel/ybeckhams.jpg" data-bbox="66 460 925 495"/> mce_src="images/Gajet_2014/Artikel/ybeckhams.jpg" data-bbox="66 460 925 495"/> width="500" height="283"/>

David Beckham atau nama sebenarnya David Robert Joseph Beckham ialah bintang bola sepak no 1 dunia. Beliau sebenarnya berketurunan Yahudi di sebelah datuknya. Beliau dilahirkan di Essex, iaitu daerah penempatan Yahudi terbesar di United Kingdom.

Permulaan karier bola sepak Beckham berputik sejak beliau kanak-kanak lagi iaitu di Ridgeway Park, Chingford. Adalah tidak memmeranjatkan jika bintang David Beckham bersinar dalam arena ini kerana kedua-dua ibu bapanya adalah peminat fanatik kelab Manchester United.

Walaupun bukan penganut agama Judais yang taat, Beckham cuba menonjolkan imej keyahudiannya itu di mata dunia.

Anak David Beckham yang pertama telah dinamakan dengan nama Brooklyn Joseph Beckham. Semua orang mengetahui bahawa Broklyn adalah nama sebuah penempatan terbesar masyarakat Yahudi di New York.

Beckham juga mendedahkan dalam buku autobiografinya dengan mengatakan semasa kecil beliau pernah menghadiri upacara-upacara keagamaan Judais di Synagogue (tempat ibadat Yahudi) dan beberapa upacara perkahwinan saudara sebelah datuknya.

Semasa zaman kanak-kanaknya, beliau juga sering memakai kippah iaitu ketayap kecil yang sering dipakai oleh masyarakat Yahudi Israel.

(Gambar) Gaya rambut lelaki Yahudi ini kini ikutan belia seluruh dunia.

Pada April 2008, Beckham dan isterinya Posh telah mendaftarkan anak lelaki mereka iaitu Cruz yang berusia 3 tahun di Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Kuil Yahudi, Los Angeles. Berita ini dilaporkan oleh Nick Parker dalam akhbar The Sun bertarikh 16 April 2008.

 src="images/Gajet_2014/Artikel/yslash.jpg" data-bbox="66 835 925 870"/> mce_src="images/Gajet_2014/Artikel/yslash.jpg" data-bbox="66 835 925 870"/> width="500" height="274"/>

Slash atau nama sebenarnya Soul Hutson merupakan lagenda gitaris rock era 90-an yang paling

Dua Lelaki Yahudi Ini - Pujaan Ramai di Malaysia

Written by Ruzlan

Saturday, 12 April 2014 00:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:40

terkenal. Dengan rupa paras afrika-amerika, gaya rambut kerinting panjang menutup muka serta topi Uncle Sam yang tidak pernah lekang dari kepala, Slash berjaya menjadi ikon kepada peminat rock n roll. Slash amat sinonim dengan Guns N Roses walaupun sebelum itu pernah menyertai kumpulan Snackpit dan sekarang ini Velvet Revolver. Dengan petikan gitar rock campuran country-style ini, Slash seringkali diundang untuk menjadi gitaris undangan sesetengah artis terkenal seperti Michael Jackson dan Ozzy Osborne. Slash sebenarnya anak kepada pasangan Afrika-Amerika. Dia juga berdarah separuh Yahudi yakni mempunyai talian keturunan Yahudi sebelah bapanya. Ibunya Ola Hudson adalah pendatang berdarah campuran Afrika-Amerika. Namun identiti yahudinya tidak pernah didedahkan pada era 1990-an kerana ketika semangat perkauman (racisme) terutamanya anti-sematik masih menebal. Kini, walaupun dia (Slash) seorang Yahudi, dia tetap menjadi pujaan peminat muslim. Maka tidak hairanlah petikan gitarnya juga menjadi bunyi utama dalam lagu Bayangan nyanyian Ella. Karektor Slash yang unik itu juga diabadikan oleh pelukis kartun terkenal majalah Ujang iaitu Gayour yang mana wataknya dijadikan watak utama dalam suatu ruangan kartun. Walaupun kini usia lelaki yang lahir pada 1965 ini sudah pun mencecah hampir 50 tahun, lelaki Yahudi ini tetap menjadi kegilaan peminat-peminat muslim khususnya di Malaysia. Nampaknya selepas ini, mungkin Lenny Kravitz si Yahudi campuran itu akan mengikut jejak Slash.

Admin 1Kedai: Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana: **"Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain ".** *Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini:* 
src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/klik%20butang%20ni.gif" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/klik%20butang%20ni.gif" style="border-style: initial; border-color: initial; " mce_style="border-style: initial; border-color: initial; " width="313" height="38"></i></p><p>
<i><i mg alt="Kembali ke koleksi utama artikel" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493" height="300"></i></p><p>
</p><p>
</p>